



YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI YAKOB
S.J.M.K., D.J.M.K., J.P., S.M.K.
MENTERI BESAR KELANTAN



**KEBERKATAN MEMBAWA
KEMAKMURAN**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

﴿ وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ هُوَ أَنْشَأَكُمْ

مِنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya: Dan kepada kaum Tsamud (Kami utus) saudara mereka, Soleh. Dia berkata, Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada bagimu Tuhan yang berhak disembah selain Dia. Dia telah menciptakan kamu daripada tanah dan menjadikan kamu pemakmurnya, kerana itu mohonlah ampunan dan bertaubatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku sangat dekat dan memperkenankan doa hamba-Nya. (Surah Hud ayat 61)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

1. Marilah sama-sama kita mengucapkan syukur kehadiran Allah *Subhanahu Wata'ala* di atas segala limpahan rahmat-Nya yang tidak terbatas, menjadikan bumi Kelantan subur makmur penuh khazanah, rakyat hidup aman sentosa di bawah payungan syariah.
2. Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah yang mengizinkan saya membentangkan bajet bagi tahun 2016 di dalam Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketigabelas pada hari yang mulia ini.
3. Di kesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Kelantan sama ada yang bermastautin dalam negeri ataupun yang berada di perantauan di atas sokongan dan dokongan yang telah diberikan selama ini. Kerajaan amat menghargai semangat kebersamaan yang telah ditunjukkan oleh warga Kelantan sekalian dalam mendokong dan menghayati agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini menyeru kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat untuk sekali lagi memperbaharui azam bagi menyumbang khidmat yang terbaik, memakmurkan bumi ini dan melaksanakan pengislahan ke atasnya sebagaimana firman Allah yang saya baca di awal ucapan saya tadi:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Maksudnya: "Dia telah menciptakan kamu daripada tanah dan menjadikan kamu pemakmurnya" (surah Hud:61)

5. Marilah kita sama-sama berbincang dan berbahas sesuatu isu dengan penuh tertib dan adab susila, serta memberi cadangan-cadangan yang bernas untuk kesejahteraan rakyat dan memajukan Negeri Kelantan yang kita sayangi berdasarkan *maratib* dan keutamaan berlandaskan maqasid syariah.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

6. Dalam iklim ketidaktentuan ekonomi global disebabkan oleh kelesuan ekonomi China dan langkahkan polisi kewangan (*monetary policy*) Amerika Syarikat, Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka turut menerima impak. Walaubagaimanapun, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan mencatat pertumbuhan 4.9 % pada suku kedua 2015. Ia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh dalam baki suku tahun 2015.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

7. Negeri Kelantan sebagai salah sebuah dari negeri dalam Malaysia sudah tentu mempunyai hubungan langsung dengan turun naik ekonomi Negara walau dalam nisbah yang sederhana. Pada tahun 2014, ekonomi Negeri Kelantan berkembang sebanyak 5.0% berbanding 3.3% pada tahun 2013, dengan menyumbang sebanyak RM19.1 billion atau 1.90% kepada Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) Malaysia. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Negeri iaitu sebanyak 65.3%, diikuti oleh sektor pertanian sebanyak 26.1%, sektor pembuatan sebanyak 5.6%, pembinaan sebanyak 1.6%, perlombongan dan carigali 1.1%. Ekonomi negeri Kelantan dijangka terus mengukuh dan diunjurkan berkembang secara positif bagi tahun 2015.
8. Banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada akhir tahun 2014, ditambah dengan kejatuhan nilai ringgit sedikit sebanyak telah membantutkan aktiviti ekonomi rakyat

dan pasti ianya secara langsung memberi impak kepada ekonomi negeri bagi tahun 2015. Oleh itu, ekonomi negeri Kelantan bagi tahun 2015 dijangka akan terus kekal sederhana. Walaupun demikian, bagi tahun 2016, ekonomi negeri dijangka akan lebih baik dan memberangsangkan dengan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) di negeri ini.

9. Dalam kesederhanaan ekonomi negeri dan kekangan kewangan kerajaan, kita bersyukur kepada Allah kerana kadar kemiskinan negeri telah menurun dari **29.5%** pada tahun 1992 kepada **0.9 %** pada tahun 2014. Ini mungkin adalah sebahagian daripada keberkatan yang dikurniakan Allah apabila kita mentadbir di atas landasan Islam.

TEMA BAJET 2016

10. Tema Bajet Negeri Kelantan Tahun 2016 adalah **“KEBERKATAN MEMBAWA KEMAKMURAN”**.

Keberkatan bermaksud tumbuh berkembang dan bertambah dengan mendapat keredhaan Ilahi. Firman Allah:

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ

Maksudnya: *“Dan menjadikan aku diberkati di mana sahaja aku berada”*
(Maryam:31)

Manakala Kemakmuran bermaksud subur, aman sejahtera dan berkemajuan serta bertamadun. Firman Allah:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Maksudnya: *“Negeri yang baik (makmur) serta mendapat pengampunan daripada Tuhan yang maha pengampun”* (Saba’: 15)

11. Selaras dengan tema *Keberkatan Membawa Kemakmuran*, bajet 2016 adalah merupakan perancangan berbelanja secara bijaksana dan berhemat dengan memberikan keutamaan kepada projek-projek atau program-program yang boleh mendatangkan manfaat secara langsung kepada pembinaan rakyat berteraskan *“Sibghah Rabbaniyah”*, dan penggembelangan sumber yang optima bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

12. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada teras-teras berikut:-

- Pertama : Memperkasa Pembangunan Insan Berteraskan Islam;
- Kedua : Merencanakan Pembangunan Ekonomi Rakyat Dengan Memanfaatkan Sumber Setempat;
- Ketiga : Pembelaan Golongan Daif Dan Miskin, Orang Kelainan Upaya, Anak Yatim, *Armalah* Dan Warga Emas;
- Keempat : Mengukuhkan Keupayaan Institusi Dan Badan Pelaksana Bagi Tujuan Pertumbuhan.
- Kelima : Pengukuhan Kewangan Negeri

13. Berasaskan kepada tema tersebut, Bajet 2016 akan berpaksikan kepada strategi-strategi berikut :

- a) Mempergiatkan aktiviti dakwah dan bina insan bagi melahirkan rakyat yang bermotivasi tinggi, dinamik dan berbakat serta mengamalkan nilai-nilai hidup Islam yang syumul.
- b) Merencanakan aktiviti ekonomi rakyat dengan membuka lebih banyak peluang dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan bakat dan persekitaran mereka bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat. Dengan itu, matlamat mengatasi kemiskinan tegar di negeri ini dapat dicapai sepenuhnya.
- c) Memastikan kemudahan infrastruktur dan utiliti asas dapat dibangunkan dan diselenggara dengan baik termasuk penambahbaikan sistem bekalan air terawat, menaiktaraf jalan-jalan negeri dan pembaikan jalan-jalan kampung.
- d) Mewujudkan urustadbir yang baik dengan mengutamakan ketelusan dan kecekapan menerusi pentadbiran yang berlandaskan Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan.
- e) Memastikan dasar perbelanjaan berhemah diteruskan supaya setiap perbelanjaan dibelanjakan mengikut keperluan dan keutamaan sebenar rakyat. Untuk itu, setiap projek yang bakal dilaksanakan dinilai dengan terperinci bagi mengelak ketirisan perbelanjaan.

- f) Memastikan hasil dan tunggakan hasil Kerajaan Negeri dapat dipungut, termasuk sumber-sumber hasil baru.

TERAS PERTAMA : MEMPERKASA PEMBANGUNAN INSAN BERTERASKAN ISLAM

PEMBINAAN SYAKSIAH DAN JATI DIRI

Firman Allah SWT:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ ۖ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Adapun orang yang takutkan Allah dengan keagunganNya serta dia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya.

(Al-Nazi'at : 40 - 41)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

14. Pembinaan syaksiah dan jati diri menjadi agenda utama Kerajaan Kelantan. Kerajaan memahami betapa pentingnya memiliki sumber manusia dan tenaga insan yang berkualiti tinggi. Berkualiti di sini bukan sahaja memiliki kelulusan akademik yang baik dan berkemahiran tinggi, tetapi juga mempunyai keperibadian yang unggul serta bertakwa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan bagi memastikan langkah-langkah penambahbaikan pentadbiran Agama Islam dilaksanakan secara tersusun dan mengikut perancangan yang ditetapkan. Menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, peruntukan sejumlah **RM6.51 juta** diperuntukan untuk melaksanakan pelbagai program/aktiviti dakwah, pengajian tafaqih, pengendalian pelbagai kursus bina insan dan lain-lain aktiviti bagi mengukuhkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat terutamanya dikalangan generasi muda.
15. Program-program tahunan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan juga akan diteruskan seperti program-program Ihya Ramadhan melalui peruntukan **RM150 ribu**, Tahfiz Al-Quran sebanyak **RM150 ribu**, perayaan Agama Islam/ Hijratul Rasul **RM110 ribu**, Ujian Tilawah Al-Quran **RM200 ribu**, Pembangunan Islam Jajahan **RM150 ribu**, Program Hududullah **RM100 ribu**, Kecemerlangan Solat **RM800 ribu**, Program Majlis Bersama Ulama /Guru Pondok/Ketua Madrasah berjumlah **RM200 ribu** serta

program baru Kelas Tafaquh Fiddin RM90 Ribu dan Kelas Taranum Al-Quran RM50 Ribu. Kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan sebanyak RM850 ribu untuk Program-program Kursus Pembangunan Keluarga, Seminar dan Kursus Pra-Perkahwinan. Manakala program-program yang menjurus ke arah pembinaan Insan akan mendapat peruntukan sebanyak RM2.20 juta di bawah Pejabat Pembangunan Negeri.

16. Kerajaan Negeri juga meneruskan peruntukan sejumlah RM1.0 juta yang disalurkan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk Prasarana Material Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sejumlah RM7.0 juta di bawah Pejabat Pembangunan Negeri bagi projek pembinaan dan pembaikan masjid-masjid seluruh negeri termasuk Pembinaan Masjid Keputeraan.
17. Seperti tahun-tahun lepas, Kerajaan Negeri juga akan terus menyediakan sumbangan tahunan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bagi tahun 2016, sejumlah RM1.0 juta telah diperuntukkan.
18. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Islam (JPI) di semua Majlis-Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai salah satu langkah memantapkan peranan PBT dalam melaksanakan dasar Membangun Bersama Islam. Jabatan Pembangunan Islam (JPI) berperanan untuk memperkemaskan dan mempergiatkan kerja-kerja dakwah dan amal kebajikan melalui program-program seperti kuliah agama, tazkirah, usrah, program motivasi, menyalurkan kebajikan kepada warga yang kurang bernasib baik dan lain-lain.

PROGRAM MEMARTABATKAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

Yang Berhormat Dato' Speaker,

19. Adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri memastikan pendidikan agama terus berkembang, Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM78.0 juta bagi tahun 2016 berbanding RM72.0 juta pada tahun 2015 kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi melaksanakan program-program pendidikan. Disamping itu, sebanyak RM4.0 juta lagi disediakan untuk projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.
20. Bagi memartabatkan program pendidikan dan pembelajaran, didalam bajet 2016 juga telah diperuntukkan sebanyak RM6.0 juta bagi pendidikan dan pembelajaran untuk pra sekolah, aktiviti pendidikan, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK

dan program pengajian tinggi.

21. Bajet 2016 juga menyediakan peruntukan sejumlah **RM2.0 juta** kepada Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) untuk pembangunan dan pengurusan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

TERAS KEDUA : MERANCAKKAN PEMBANGUNAN EKONOMI RAKYAT

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS

Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُ ظَهْرَهُ
وَبَاطِنَهُ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan bumi serta telah melimpahkan keatas kamu nikmat-nimat-Nya yang zahir dan batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia yang membantah terhadap Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan Kitab Allah yang menerangi kebenaran. (Luqman: 20)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

22. Mengambil *ibrah* dari firman Allah bahawa segala apa yang ada di bumi adalah untuk diterokai manfaatnya oleh manusia, Kerajaan akan terus memberi penekanan dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negeri melalui pelbagai program pembangunan yang dirancang. Pembangunan infrastruktur asas akan tetap menjadi keutamaan Kerajaan kerana ianya pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi rakyat.
23. Lanjutan daripada itu, Bajet 2016 memperuntukan sejumlah **RM21.1 juta** kepada Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) Kelantan untuk memperluaskan sistem rangkaian jalan negeri. Diantara projek yang akan dilaksanakan adalah menggantikan jambatan sempit di Pulau Melaka, Kota Bharu, Menaiktaraf jambatan Kg. Kerinting, Gua Musang, Menggantikan jambatan sempit di Kg.Sungai Petai, Pasir Puteh dan lain-lain. Kerajaan

Negeri juga bercadang untuk membina Jalan Pasir Tumbuh ke Pasir Jelatang, Pasir Hor yang melibatkan jalan sepanjang 3.7KM. Jalan ini merupakan jalan pintasan dari Pasir Tumbuh ke Telipot, Kota Bharu dan apabila siap kelak dijangkakan akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di kawasan Kubang Kerian dan Pasir Tumbuh.

24. Selain daripada itu, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah **RM170.0 Juta** bagi pengurusan dan penyelenggaraan jalan-jalan utama negeri melalui Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (KAPJN). Pengurusan penyelenggaraan jalan juga telah ditambah baik dengan perlantikan syarikat konsesi yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih efisien.
25. Disamping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan program-program menaiktaraf jalan-jalan kampung dan jalan-jalan pertanian di seluruh negeri ini. Sebanyak **RM10.0 juta** disediakan bagi pembinaan dan menaiktaraf jalan-jalan kampung, **RM4.0 juta** untuk Jalan-jalan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, **RM300** ribu untuk penyelenggaraan jalan pertanian, **RM800** ribu lagi untuk pembinaan jalan-jalan di kawasan industri dan **RM200** ribu pula untuk penyelenggaraan jalan-jalan Pihak Berkuasa Tempatan dan sebanyak **RM7.0 juta** pula diperuntukkan untuk pembinaan dan pembaikan jambatan.
26. Selain itu, sebanyak **RM10.0 juta** telah diperuntukkan untuk bayaran pengambilan balik tanah bagi cadangan pembinaan jalan-jalan baru negeri bagi memberi kemudahan serta keselesaan kepada pengguna. Dengan terbinanya rangkaian jalan-jalan baru ini, ianya dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama sedia ada serta secara tidak langsung menjadi pemangkin untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat.
27. Bagi kawasan kampung dan desa yang tidak diliputi oleh bekalan air di bawah Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB), kerajaan akan terus memberi perhatian dengan memperuntukkan sebanyak **RM1.2 juta** untuk melaksanakan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) disamping bantuan untuk pendawaian elektrik untuk penduduk yang kurang mampu.

MENGGOMERSILKAN SEKTOR PERTANIAN

28. Sektor pertanian masih merupakan sektor terpenting dalam menjana ekonomi Negeri

Kelantan. Oleh itu, bagi meningkatkan daya saing sektor pertanian, kerajaan atas konsep “*Bertani Satu Ibadah*” akan terus memberi galakan dan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian termasuk dalam pengeluaran bahan makanan berkualiti.

29. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri dan agensi-agensi berkaitan akan menyusun dan melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian secara lebih sistematik. Di antara program-program tersebut adalah seperti Program Pembangunan Industri Padi, Program Pembangunan Industri Pelbagai Komoditi, Program Pembangunan Industri Sayuran dan Buah-buahan serta Program Pembangunan Usahawan Tani. Dengan menggunakan pendekatan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) sebagai kaedah penyampaian perkhidmatan pengembangan, semua program dapat dirangka dengan rapi dan membolehkan penglibatan dari semua golongan sasaran.
30. Bagi pembangunan usahawan industri kecil dalam bidang pemprosesan makanan atau industri asas tani, kursus jangkamasa singkat dan jangkamasa panjang diadakan secara berkala. Khidmat bimbingan terus (*hands on*) serta bimbingan dalam pembungkusan dan pemasaran produk diberikan secara berterusan supaya ianya lebih berdaya saing di pasaran global. Disamping itu, Pusat Bimbingan Usahawan, Pusat Inkubator dan Pusat Apterantis terus diperkasakan dengan pengambilan pelajar dan peserta untuk dilatih menjadi usahawan tani yang berdaya saing.
31. Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) akan terus diberi tumpuan pada tahun 2016. Ketiga-tiga TKPM di Telong, Batang Merbau dan Lojing akan terus diusahakan dan dinaiktaraf bagi meningkatkan produktiviti dari masa ke semasa. Sehingga kini pengeluaran hasil pertanian di TKPM adalah 4,819 Metrik Tan dengan nilai sebanyak RM8.7 juta.
32. Merujuk kepada keperluan tahap sara diri bagi Negeri Kelantan untuk tahun 2014, alhamdulillah, pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran melebihi tahap sara diri iaitu padi 116.9 % ,buah-buahan 167.3 % dan sayur-sayuran 78.0 %.
33. Program pembangunan tanah-tanah terbiar akan terus diberi penekanan. Tanah-tanah terbiar ini akan dibangunkan untuk kegiatan ekonomi rakyat khususnya untuk tanaman pelbagai jenis sayuran, buah-buahan dan padi. Sehingga kini, seluas 497.0 hektar tanah terbiar telah pun berjaya dipulihkan dan dibangunkan.

34. Bagi tahun 2016, sejumlah **RM2.36 juta** diperuntukan di bawah Jabatan Pertanian Negeri untuk melaksanakan pelbagai program pertanian yang dirancang. Sebanyak **RM940** ribu diperuntukan bagi Promosi Pertanian dan Latihan, **RM320** ribu bagi Hari Peladang Kebangsaan/Negeri. Lain-lain peruntukan prasarana yang berkaitan pertanian turut diperuntukkan dibawah lain-lain agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri.

MEMACU SEKTOR PENTERNAKAN

35. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus memberi penekanan dalam pembangunan sektor penternakan khususnya dalam penyediaan kemudahan dan galakan agar lebih banyak pihak melibatkan diri dalam pengeluaran ternakan di negeri ini.
36. Pada tahun 2015, sub-sektor ternakan ruminan, khususnya lembu pedaging terus berkembang. Negeri Kelantan masih mengekalkan kedudukan sebagai negeri ketiga terbesar di Malaysia dari segi populasi lembu pedaging, kambing dan bebiri. Negeri Kelantan masih menjadi negeri yang terunggul di Malaysia dari segi pengeluaran baka-baka lembu pedaging kacukan yang bermutu tinggi.
37. Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengenalpasti bidang yang mempunyai prospek untuk dikembangkan. Skim Pawah Ternakan yang telah bermula semenjak tahun 1961 merupakan program yang terawal dan masih relevan dalam mengembangkan industri ternakan di negeri ini. Kerajaan bercadang untuk menambahbaik skim ini melalui konsep "breedlot" yang memberi penekanan kepada pembiakan induk-induk lembu kacukan yang berkualiti secara semi intensif menggunakan sisa-sisa pertanian yang ditambahbaik kualiti sebagai sumber makanan utama. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1.92** juta dibawah Rancangan Perkembangan Perusahaan Pedaging bagi tahun 2016.
38. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak **RM2.0** juta untuk Program Galakan Pertanian dan Penternakan, dan **RM300** ribu untuk Rancangan Perkembangan Perusahaan Lembu dan Kambing Tenusu di bawah Pejabat Pembangunan Negeri dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Program-program ini diharap dapat meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri disamping membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan rakyat miskin. Dengan pelbagai usaha serta input yang disediakan, diharapkan industri penternakan di negeri ini akan terus mengalami perkembangan

yang lebih tinggi di masa hadapan.

MEMACU PEMBANGUNAN SEKTOR PERIKANAN

39. Satu lagi sektor yang akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan adalah sektor perikanan. Sektor ini memainkan peranan besar sebagai salah satu sektor penyumbang bagi bekalan protin kepada negara. Kelantan merupakan negeri yang mempunyai kawasan perairan perikanan yang luas sehingga 200 batu nautika ke Tengah Laut China Selatan.
40. Dalam pembangunan sektor perikanan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri akan meneruskan program pembangunan perikanan seperti Program Peningkatan Pendapatan Nelayan Pantai melalui Projek Akuakultur Ternakan Ikan Marin Dalam Sistem Sangkar Berteknologi Tinggi, Program Pelepasan Benih Ikan di Perairan Umum bagi memperkayakan sumber perikanan di perairan umum di Kelantan, Persijilan *Malaysia Good Aquaculture Practice (MyGAP)* kepada semua produk temakan yang dihasilkan bagi menjamin produk berkenaan selamat untuk dimakan dan berkualiti baik, Program Pengukuhan Sukarelawan Perikanan Negeri dan Program Memperkaya Sumber Perikanan Marin yang menggunakan tukun dan unjam untuk meningkatkan sumber marin di lautan. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM553 ribu**.

PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG BERDAYA SAING

41. Bajet kali ini juga memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk melahirkan generasi usahawan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing. Untuk mencapai matlamat tersebut, pada tahun 2016, sebanyak **RM2.5 juta** diperuntukkan di bawah Program Usahawan Berdikari yang menggabungkan lima program pembangunan usahawan iaitu Program Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, Galakan Usahawan, Skim Bina Usahawan, Program Pembangunan Kemahiran Usahawan dan Galakan Perdagangan. Sebanyak **RM900 ribu** disediakan untuk Projek Infrastruktur Usahawan dan **RM150 ribu** untuk Program Pembangunan Usahawan Tani. Disamping itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM2.5 juta** dalam bajet 2016 untuk membina dan memperbaiki pasar dan gerai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan bagi membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana memasarkan produk-produk perniagaan mereka.

MERANCAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN

42. Sektor pelancongan masih kekal sebagai sektor utama dalam menjanakan ekonomi negeri Kelantan serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tempatan. Stastistik kedatangan pelancong ke Kelantan sehingga Ogos 2015 adalah seramai 3.4 Juta dan dijangka mencapai 5 Juta Pelancong sehingga hujung tahun 2015.
43. Dalam usaha untuk meningkatkan kemasukan pelancong ke Kelantan, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Tahun Melawat Kelantan 2016. Pelbagai persiapan telah dibuat dari segi Infrastruktur pelancongan, produk-produk pelancongan dan acara-acara yang menarik bakal diadakan pada tahun hadapan.
44. Bagi menjayakan Tahun Melawat Kelantan 2016, saya menyeru supaya semua jabatan, agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi tumpuan khusus kepada industri ini, dengan menanam cakna "*Think Tourism*" iaitu mengambil kira faktor pelancongan dalam setiap projek yang akan diadakan. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menjaga produk-produk pelancongan yang ada dalam kawasan masing-masing dengan mempertingkatkan tahap kebersihan dan keceriaan.
45. Bagi tahun 2016 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM3.6 juta bagi Program Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, RM200 ribu bagi Galakan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta RM500 ribu bagi Projek Pembangunan Kampung Tradisional.
46. Kerajaan juga komited untuk menjadikan pantai-pantai di Kelantan sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negeri. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM2.6 juta bagi projek pencegahan hakisan pantai melalui pembinaan groin di kawasan-kawasan pantai yang berisiko.

TERAS KETIGA : PEMBELAAN GOLONGAN DHAIF DAN MISKIN, ORANG KELAINAN UPAYA, ARMALAH DAN WARGA EMAS

MEWUJUDKAN MASYARAKAT PENYAYANG

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْإِيمَانِ ۚ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ۖ وَلَا تَحْضُ عَلَىٰ
 طَعَامِ الْمَسْكِينِ ۖ فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ۖ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۚ الَّذِينَ
 هُمْ يُرَاءُونَ ۖ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ۖ

Maksudnya: Tahukah engkau akan orang yang mendustakan ugama? orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan kepada orang miskin. Maka Kecelakaan besar bagi orang-orang yang solat (laitu) mereka yang lalai daripada menyempurnakan solatnya (juga bagi) orang-orang yang menunjuk-nunjuk amalannya, serta orang-orang yang tidak membantu kepada orang yang berhak menerimanya. (Surah Al-Ma'un: 1-7)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

47. Sesuai dengan motto Kerajaan Negeri hari ini “Keberkatan, Kemakmuran, dan Kebajikan”, adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri Kelantan untuk terus membantu golongan dhaif dan miskin, orang kelainan upaya, *armalah* dan warga emas. Oleh itu, dalam bajet 2016, sebanyak **RM2.55 juta** telah diperuntukan di bawah program pembelaan rakyat miskin, **RM3.3 juta** untuk program *Al-It'am* (bantuan bekalan beras) dan **RM1.8 juta** untuk bantuan baja. Sejumlah **RM800** ribu juga diperuntukkan bagi program kesihatan rakyat miskin seperti bantuan penyakit kronik, kempen kesedaran kesihatan dan program baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok (IKBAR) bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat Kelantan.
48. Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, Kerajaan negeri tidak lupakan golongan belia sebagai generasi pewaris masa hadapan. Bajet 2016 memperuntukkan sebanyak **RM3.0 juta** bagi Program Pembangunan Belia dan **RM2.5 juta** lagi di bawah Program Pembangunan Sukan.
49. Kerajaan Negeri tidak mengkesampingkan masyarakat bukan Islam di dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri. Oleh itu, bajet 2016 memperuntukkan sebanyak **RM1.5 juta** kepada Program Masyarakat Bukan Islam.
50. Bermula pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif membantu memudahkan urusan perjalanan para jemaah haji Negeri Kelantan dengan menyediakan

penerbangan khas para jemaah dari Kota Bharu terus ke Jeddah, Mekah. Diharapkan dengan penyediaan kemudahan ini sedikit sebanyak dapat membantu para jemaah haji negeri melaksanakan rukun Islam kelima dengan lebih lancar dan selesa. Kerajaan Negeri akan terus membantu pada tahun-tahun hadapan dengan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu bagi tujuan berkenaan dalam bajet 2016.

51. Kerajaan turut meneruskan tradisi bagi membela golongan *Armalah* (Ibu Tunggal) dan Anak Yatim dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta bagi tahun 2016 berbanding RM4.5 juta pada tahun 2015. Kerajaan juga telah menambahkan peruntukan Bantuan Am Bulanan (*Al-Musa'adah*) daripada RM9.92 juta kepada RM10.60 juta bagi tahun 2016. Peruntukan-peruntukan ini disediakan sesuai dengan hasrat memupuk masyarakat penyayang, selari dengan tuntutan Islam kearah mewujudkan masyarakat dan negeri sejahtera. Walaupun dalam keadaan kewangan negeri yang agak terhad, Kerajaan komited dan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bagi tujuan pembelaan rakyat dan kesejahteraan rakyat.
52. Bajet 2016 juga menyediakan peruntukan sebanyak RM100 ribu bagi program baru Latihan Sukarelawan kepada para sukarelawan Kelantan untuk menghadapi bencana alam yang melanda negeri sepertimana bencana banjir dan sebagainya.

PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN KURANG BERKEUPAYAAN

53. Kerajaan sedar bahawa harga pasaran rumah sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin akan permasalahan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus untuk mengadakan Projek Perumahan Mampu Milik kepada rakyat Kelantan.
54. Atas dasar itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan program Rumah Mampu Milik Kelantan pada bulan Februari 2014. Kerajaan juga telah menyediakan satu dasar Rumah Mampu Milik sebagai garis panduan kepada pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensinya teknikal dan pemaju di dalam merancang dan mengawal pembangunan projek-projek Perumahan Mampu Milik di Negeri Kelantan. Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan adalah untuk menyediakan dan menawarkan jenis-jenis rumah yang mampu dimiliki, mencukupi, berkualiti, berdayahuni dan berlandaskan ciri-ciri islam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat.
55. Bagi meneruskan hasrat tersebut, satu peruntukan berjumlah RM9.0 juta disediakan kepada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam bajet 2016

untuk melaksanakan usaha-usaha membangunkan Perumahan Awam Mampu Milik.

56. Program ini akan dilaksanakan melalui dua (2) agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan. Kerajaan juga mempelawa pihak swasta yang berminat dan berkemampuan untuk mengadakan perkongsian strategik bagi menyediakan Rumah Mampu Milik.
57. Bajet “KEBERKATAN MEMBAWA KEMAKMURAN” 2016 juga menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta bagi program Bantuan Rumah *Dhuafa* yang diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan rumah-rumah dan pembinaan rumah di setiap Dewan Undangan Negeri untuk membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkeupayaan untuk membaiki dan mendapatkan rumah sendiri.

MEMPERKASAKAN WANITA

58. Bajet 2016 juga tidak mengenyepikan kebajikan dan keperihatinan Kerajaan kepada kaum wanita. Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memastikan kaum wanita di Kelantan amnya akan terus maju dalam semua bidang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM5.50 juta dibawah Program Pembangunan Keluarga dan Wanita yang meliputi program/sumbangan pembangunan dan kebajikan wanita, program kebajikan keluarga dan masyarakat, majlis perundingan wanita, bantuan bagi orang kelainan upaya (OKU), pendidikan awal kanak-kanak, latihan wanita, rumah perlindungan sinar harapan, program pembangunan jatidiri penerima bantuan dan tabung usahawan wanita.

TERAS KEEMPAT : MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INSTITUSI DAN BADAN PELAKSANA BAGI TUJUAN PERTUMBUHAN

MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

قَالَتْ إِحَدُنُهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ ^{صط} إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan tersebut berkata: «Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan, Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah» (Al-Qasas:26)

59. Kerajaan Negeri sentiasa menghargai sokongan dan komitmen kakitangan sektor awam dan sumbangan mereka dalam pembangunan negeri. Beberapa program transformasi

untuk pemantapan pentadbiran telah berjaya diperkenalkan malah mendapat pengiktirafan dari pihak Kerajaan Persekutuan. Antara program yang diperkenalkan dan terus menjadi amalan ialah Budaya Kerja Berprestasi Tinggi yang berpegang kepada empat (4) teras utama iaitu; pengukuhan nilai dan etika yang berteraskan kepada Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan; perkhidmatan berteraskan pelanggan; hubungan majikan-pekerja dan persekitaran kerja yang kondusif dan juga Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S). Pada tahun 2014, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai 5 bintang dalam penarafan “*System Star Rating*”(SSR) oleh pihak MAMPU dan dipersijilkan Pengurusan Aduan Cemerlang oleh Biro Pengaduan Awam.

60. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan juga telah merangka Pelan Operasi Latihan (*Training Road Map*) Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (2015-2020) yang akan menjadi panduan kepada setiap anggota perkhidmatan awam negeri bagi mengetahui kursus-kursus dan program-program yang perlu dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.
61. Satu rangka Pemetaan Latihan (*Training Map*) Perkhidmatan Awam Negeri disediakan meliputi semua skim perkhidmatan yang terlibat. Antaranya *Training Road Map* untuk Pegawai Tadbir Negeri Kelantan, Akauntan, Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Pemandu Kenderaan, Pegawai Keselamatan dan lain-lain.
62. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak **RM1.5 juta** bagi tahun 2016 berbanding RM1.0 juta bagi tahun 2015 untuk pembangunan kompetensi pegawai perkhidmatan awam negeri.

TERAS KELIMA : PENGUKUHAN KEWANGAN NEGERI

BAJET NEGERI TAHUN 2016

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ ۗ

Maksudnya: Yusuf berkata: Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia bertanggungjawab dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirnya. (Yusoff: 55)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

63. Bajet Negeri Kelantan tahun 2016 merupakan belanjawan defisit di mana perolehan hasil yang dianggarkan bakal diperolehi ialah berjumlah **RM593.80 juta**, manakala perbelanjaan mengurus dianggarkan berjumlah **RM639.41 juta**. Oleh itu defisit bagi tahun 2016 dijangka berjumlah **RM45.61 juta**, berbanding dengan anggaran defisit dalam bajet tahun 2015 yang berjumlah **RM70.69 juta**.
64. Anggaran Hasil Tahun 2016 sebanyak **RM593.80 juta** telah menunjukkan peningkatan hasil berbanding Anggaran Hasil Tahun 2015 yang berjumlah **RM530.83 juta**. Peningkatan hasil berkenaan dianggarkan dapat menampung sebahagian kenaikan perbelanjaan mengurus menyebabkan penurunan anggaran defisit pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.

ANGGARAN HASIL TAHUN 2016

65. Anggaran hasil negeri pada tahun 2016 dijangka akan diperolehi sebanyak **RM593.80 juta** yang meliputi Hasil Cukai sebanyak **RM163.49 juta**, Hasil Bukan Cukai sebanyak **RM289.45 juta** dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak **RM140.86 juta**.
66. Jumlah tersebut menunjukkan berlakunya peningkatan dalam hasil sebanyak **RM62.97 juta** ataupun sebanyak **11.86 peratus** berbanding dengan Anggaran Hasil Tahun 2015 yang berjumlah **RM530.83 juta**. Hasil Hutan merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah **RM172.96 juta** atau **29.12 peratus** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM58.05 juta** jika dibandingkan anggaran belanjawan tahun 2015 iaitu sebanyak **RM114.91 juta**. Peningkatan ini adalah anggaran bayaran Perdagangan Karbon yang dijangka dapat dikutip sebanyak **RM50.0 juta** apabila Kerajaan Negeri secara dasarnya telah meluluskan hasil berkenaan. Projek ini dapat memberikan pelbagai manfaat kepada Kerajaan Negeri Kelantan dari faedah kewangan tanpa melibatkan apa-apa kos dan menanggung sebarang risiko disamping dapat memelihara dan mengekalkan khazanah hutan Negeri Kelantan dalam menjamin kesejahteraan masyarakat dan kestabilan alam sekitar.
67. Hasil hutan lain juga meliputi royalti kayu-kayan yang akan menyumbang sebanyak **RM30.0 juta**, bayaran jabatan hutan sebanyak **RM20.0 juta**, permit lesen perhutanan menyumbang **RM1.0 juta** sementara premium perhutanan pula sebanyak **RM70.0 juta**.

68. Penyumbang hasil kedua terbesar pula adalah Hasil tanah berjumlah **RM136.98 juta** atau **23.07 peratus**, meliputi pungutan cukai tanah sebanyak **RM42.2 juta**, premium tanah **RM47.20 juta**, bayaran pendaftaran **RM7.22 juta** serta notis dan denda lewat bayaran cukai tanah sebanyak **RM6.73 juta**.
69. Manakala Terimaan Dari Agensi Kerajaan menyumbang sejumlah **RM112.40 juta** atau **18.93 peratus**, Terimaan Lain-lain sejumlah **RM87.88 juta** atau **14.80 peratus**, Hasil perlombongan **RM62.50 juta** atau **10.53 peratus**, Hasil Air **RM13.0 juta** atau **2.19 peratus**, Hasil pelaburan **RM4.76 juta** atau **0.80 peratus** dan Hasil Rumah Awam Kos Rendah **RM3.34 juta** atau **0.56 peratus** daripada keseluruhan jumlah hasil tahun 2016.
70. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada pemilik-pemilik tanah agar menjelaskan premium dan cukai tanah serta tunggakan menerusi kempen dan usaha bersepadu oleh semua Pejabat Tanah. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dalam urusan kutipan hasil dan cukai disamping mengenalpasti punca-punca hasil baru. Kesungguhan Kerajaan menerusi penubuhan pasukan petugas khas serta peruntukan peralatan, kewangan dan kakitangan dijangka mampu menjana peningkatan pungutan hasil.
71. Selaras dengan usaha tersebut, Kerajaan Negeri juga berharap agensi-agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) akan terus berusaha untuk mempertingkatkan hasil atau mencari punca hasil baru. Mereka perlu kreatif dan proaktif dalam usaha ini supaya dapat berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada sumber bantuan Kerajaan Negeri.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2016

Yang Berhormat Dato' Speaker,

72. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016 berjumlah sebanyak **RM639.41 juta** berbanding sebanyak **RM601.51 juta** dalam tahun 2015, iaitu meningkat sebanyak **RM37.9 juta** atau **6.30 peratus**, merangkumi Perbelanjaan Tanggungan sebanyak **RM24.14 juta** dan Perbelanjaan Bekalan berjumlah **RM615.27 juta**.
73. Dari jumlah tersebut, **RM331.19 juta** atau **51.80 peratus** adalah untuk Pemberian dan Kenaan Tetap, **RM185.63 juta** atau **29.03 peratus** untuk Emolumen, **RM100.87**

juta atau 15.77 peratus bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM19.51 juta atau 3.05 peratus untuk Aset dan RM2.21 juta atau 0.35 peratus untuk Lain-Lain Perbelanjaan.

74. Selaras dengan dasar serta tema Bajet 2016 iaitu “Keberkatan Membawa Kemakmuran”, Kerajaan telah meneliti secara terperinci anggaran belanjawan jabatan bagi memastikan peruntukan yang disediakan adalah merupakan keperluan sebenar jabatan dengan mengambilkira kenaikan kos-kos pengurusan. Oleh yang demikian, perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 telah dapat disediakan ke paras yang amat munasabah dan memenuhi keperluan sebenar setiap jabatan. Oleh itu, setiap anggota perkhidmatan awam negeri perlu bersedia dan turut menyumbang ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti kerja dalam usaha memenuhi kehendak rakyat selaku pelanggan utama kerajaan.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2016

75. Peruntukan pembangunan bagi tahun 2016 adalah berjumlah sebanyak RM277.22 juta yang dibiayai dibawah peruntukan negeri termasuk sebanyak RM90.0 juta daripada sumber pinjaman. Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus dan penekanan kepada usaha mempertingkatkan penyediaan prasarana dan kemudahan bagi memajukan tahap sosio-ekonomi rakyat jelata berasaskan kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

PENUTUP

76. Saya ingin mengambil kesempatan disini untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Penguasa-Penguasa Tempatan, Pegawai dan Anggota Keselamatan, Pemimpin-Pemimpin Masyarakat dan seluruh rakyat negeri Kelantan ini yang telah sama-sama berusaha untuk mewujudkan kesatuan, keamanan, kemakmuran serta kesejahteraan hidup di negeri yang kita sayangi ini.
77. Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah S.W.T menjadikan Belanjawan Negeri Kelantan Tahun 2016 yang bertemakan “KEBERKATAN MEMBAWA KEMAKMURAN” yang dibentangkan ini agar dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun;

*Negeri Kelantan sudah ternama
Kaya dengan budaya ketimuran
Segala rahmat nikmat bersama
Moga keberkatan membawa kemakmuran*

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمُورَ الْمُسْلِمِينَ، وَوَقِّفْهُمْ لِلْعَدْلِ فِي رِعَايَاهُمْ وَالرِّفْقِ بِهِمْ وَالْإِعْتِنَاءِ
بِمَصَالِحِهِمْ وَحَبِّبْهُمْ إِلَى الرَّعِيَّةِ وَحَبِّبِ الرَّعِيَّةَ إِلَيْهِمْ وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءً
رِخَاءً وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

“Ya Allah, perbaikilah sikap para pemimpin kaum muslimin, bimbinglah mereka dalam menegakkan keadilan, menyayangi dan mendalami kepentingan rakyat. Tumbuhkan kecintaan mereka kepada rakyat dan rakyat kasih kepada mereka serta jadikanlah negeri ini dan negeri-negeri kaum muslimin lainnya aman dan tenteram ”.

Saya Mohon Mencadangkan.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*Perbendaharaan Negeri kelantan:
21 Muharram 1437H bersamaan 03 November 2015M*

